

Kuala Lumpur: Bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Sabudin Mohd Salleh, dijatuhi hukuman penjara empat tahun serta denda RM1 juta oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam atas dua pertuduhan memperoleh suapan berjumlah RM200,000 bagi mengeluarkan permit kerja.

Hakim K Muniandy membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan pihak pendakwaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen pada 15

BEKAS TIMBALAN PENGARAH KANAN DBKL RASUAH RM200K

Dijel empat tahun, denda RM1 juta

September tahun lalu yang membebaskan Sabudin, 62, daripada kedua-dua pertuduhan rasuah itu di akhir kes pembelaan.

Mahkamah menjatuhi hukuman penjara empat tahun bagi setiap pertuduhan dan memerintahkan hukuman itu berjalan serentak mulai semalam, serta denda RM1 juta bagi kedua-dua pertuduhan atau dipenjara

empat tahun jika gagal membayar denda.

Bagaimanapun, Hakim Muniandy membenarkan permohonan peguam K Theivaendran yang mewakili Sabudin, untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman dan sabitan terhadap anak guamnya sementara menunggu rayuan akhir di Mahkamah Rayuan.

Sabudin yang memakai

sut berwarna kelabu dengan berkerusi roda kerana mengalami masalah sakit lutut kelihatan tenang sepanjang prosiding.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin yang dibantu Natrah Fareha Rahmat memohon supaya Sabudin dikenakan hukuman penjara antara lima dan 10 tahun serta denda

RM1 juta, mengambil kira faktor kepentingan awam selain kesalahan itu serius kerana membabitkan kes rasuah.

Seorang lagi peguam yang mewakili Sabudin, Y Sheelan Samuagam bagaimanapun memohon supaya anak guamnya dipenjara sehari atas alasan dia menghidap osteoarthritis pada bahagian kedua-dua lututnya

dan sudah menjalani beberapa pembedahan besar selain memerlukan bantuan kerusi roda.

Pada 18 Disember 2020, Mahkamah Sesyen di sini, membebaskan Sabudin daripada dua pertuduhan itu pada akhir kes pendakwaan.

Bagaimanapun, Sabudin diperintahkan membela diri atas kedua-dua pertuduhan itu selepas Mahkamah Tinggi pada 24 Mac 2022, membenarkan rayuan pendakwaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen.